

RACUN PENYAKIT YANG DISYORKAN

Karah Daun:

Bahan Aktif	Nama Perdagangan
Benomyl	Benocide 50WP Benex
Mancozeb	Mancozeb 80% Disan 45
Isoprothiolane	Fiji-One Adwans 40
Azoxystrobin	Amistar
Azoxystrobin + Difenoconazole	Amistartop

Hawar Seludang:

Bahan Aktif	Nama Perdagangan
Benomyl	Benocide 50WP Benex
Pencycuron	Monceren Beacon
Trifloxystrobin + Tebuconazole	Nativo
Azoxystrobin + Difenoconazole	Amistartop
Difenoconazole + Propiconazole	Armure Lediko

Bintik Perang:

Bahan Aktif	Nama Perdagangan
Benomyl	Benocide 50WP Benex
Mancozeb	Mancozeb 80% Disan 45
Pencycuron	Monceren Beacon
Azoxystrobin + Difenoconazole	Amistartop
Difenoconazole + Propiconazole	Armure Lediko

RAWATAN BIJI BENIH


- Biji benih padi wajar dirawat sebelum penyemaian dijalankan, bagi mengurangkan kadar jangkitan penyakit.
- **1 kilogram** biji benih padi hendaklah direndam di dalam air (sebanyak 5 liter) bersama 10 gram garam. Kemudian dicuci dengan air dan ditoskan airnya.
- Setelah itu, biji benih hendaklah digaul bersama dengan **3 gram racun Benomyl** dan **3 gram racun Mancozeb**.
- Kemudian, campuran hendaklah direndam lagi dengan air sehingga kesemua biji benih tenggelam.
- Tutup baldi berisi campuran biji benih dan racun tersebut, dan biarkan rendaman semalam (24 jam).
- Toskan air rendaman dan pindahkan biji benih tersebut ke karung/guni dan biarkan semalam untuk proses percambahan dan seterusnya biji benih tersebut boleh disemai.

UNTUK KETERANGAN LANJUT,
SILA HUBUNGI:

MAKMAL PENYAKIT TANAMAN
UNIT PERLINDUNGAN TANAMAN
PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN
BRUNEI, KILANAS
JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN

LAMAN SESAWANG:
www.agriculture.gov.bn

E-MEL:
crop.protection@agriculture.gov.bn



**PENGAWALAN
DAN
PENGURUSAN
彭ヤキトウマタバギ
TANAMAN
PADI**

KARAH DAUN



HAWAR SELUDANG



BINTIK PERANG



Tanda-tanda penyakit:

- Kesan serangan berbentuk intan berwarna putih, kelabu akan tumbuh pada daun-daun.
- Bintik-bintik tersebut akan membesar dalam keadaan lembap dan panas menjadi bintik-bintik bujur di mana bahagian tengah bintik berwarna putih atau kelabu, dan dikelilingi oleh kawasan berwarna coklat kemerahan.

Pengawalan dan Pengurusan:

- Menanam varieti padi yang rentang penyakit
- Mengelakkan daripada pengeringan terlalu lama di ladang untuk mengurangkan tekanan kemarau dan mencegah pembentukan nitrat.
- Elakkan pembajaan Nitrogen yang berlebihan.
- Merawat biji benih menggunakan racun kulat seperti yang disyorkan pada peringkat awal.

Tanda-tanda penyakit:

- Tanda-tanda penyakit termasuk pembentukan belur seperti disebabkan titisan air panas, tanaman rebah, dan sebahagian bijian padi tidak berisi.
- Pembentukan kesan berbentuk elipsoid atau segi empat panjang berwarna hijau kekelabuan pada upih daun-daun bahagian bawah (atas tanah atau garis air) ketika peringkat akhir rumpun atau pada peringkat awal pemanjangan ruas pertumbuhan.

Pengawalan dan Pengurusan:

- Mengelakkan tahap air yang rendah.
- Menjarakkan lagi ruang antara tanaman, dan menggunakan kawalan rumput yang efisien.
- Elakkan daripada aplikasi baja Fosforus yang berlebihan.
- Menyembur dengan racun kulat pada peringkat pertumbuhan anak padi apabila kelihatan tanda penyakit.

Tanda-tanda penyakit:

- Bintik kecil membentuk bujur pada daun dan bijian.
- Bintik-bintik tersebut berwarna coklat dengan warna kelabu atau keputihan pada bahagian tengah, dan akan bercantum menjadi kesan besar yang nekrotik.

Pengawalan dan Pengurusan:

- Merawat biji benih menggunakan racun kulat seperti yang disyorkan.
- Menanam varieti padi yang rentang penyakit.
- Menyembur tanaman pada peringkat pertumbuhan anak padi dengan racun penyakit yang disyorkan, terutama sekali apabila tanam penyakit kelihatan.
- Memantau keadaan tanah dengan memastikan kadar dan jadual pembajaan nitrogen (N), fosforus (P), dan potassium (K) adalah seperti yang disarankan.